

**AMRAN MUSTAPHA & YANG LAIN
lwn.
NURUL ALIANI MOHD ARIFIN & SATU LAGI**

Mahkamah Majistret, Pasir Puteh
Azem Fatihi Kamal HM
[Nombor Kes: A73KJ-38-03/2018]
31 Januari 2019

QUANTUM TABLE

Liability

100% against the defendant

Award

1. General damages

- | | |
|---|----------------|
| (a) cerebral concussion | - RM 6,000.00 |
| (b) multiple abrasion wounds | - RM 5,000.00 |
| (c) liver injury grade I | - RM 13,000.00 |
| (d) compression fracture T11 dn T12 vertebra bodies | - RM 23,000.00 |
| (e) multiple abrasion wounds over upper chest and right leg | - RM 5,000.00 |
| (f) abrasion wound over left forehead | - RM 3,000.00 |

2. Special damages

- | | |
|--|-------------|
| (a) Misc - pembelian carian JPJ | - RM 10.00 |
| (b) Misc - dokumen - dokumen polis | - RM 20.00 |
| (c) Misc - laporan perubatan HUSM Plaintiff Pertama | - RM 50.00 |
| (d) Misc - Laporan Perubatan dari hospital Besut untuk ketiga-tiga Plaintiff | - RM 120.00 |

Perundangan yang dirujuk:
Rules of Court 2012, O 59 r 24

Kaunsel:

Bagi pihak plaintif: Nor Aqma Rozali; Tetuan Dayang & Partners

Bagi pihak defendan: Nurshafiqah Anum Abd Razak; Tetuan Othman Hashim & Co

[Perintah sewajarnya.]

PENGHAKIMAN



Azem Fatih Kamal, HM:

Ringkasan Fakta Kes

[1] Pada 28 Julai 2017 lebih kurang pukul 3.30 petang, Plaintiff Pertama yang sedang memandu motokar WMP 2617 yang turut ditumpang oleh Plaintiff Kedua dan Plaintiff Ketiga; di laluan sah dari Machang, Kelantan menghalau ke Jerteh, Terengganu setibanya di kilometer 50, Jalan Kota Bharu ke Kuala Terengganu dalam jajahan Pasir Puteh Kelantan, telah berlanggar dengan Defendant Pertama yang sedang memandu motokar JHB 9439 milik Defendant Kedua dari Pasir Puteh, Kelantan menghalau ke Jerteh, Terengganu; yang mana Defendant Pertama dikatakan telah membrek dan berhenti secara mengejut dan tanpa memberi sebarang isyarat di tengah jalan di hadapan Plaintiff-plaintiff. Perlanggaran tersebut telah mengakibatkan Plaintiff-plaintiff mengalami kecederaan, kesakitan, kerugian dan kesengsaraan; lantaran tindakan pada hari ini.

[2] Tindakan ini telah difailkan pada 15 Mac 2018 dan setelah dua kali sebutan, Bicara penuh telah bermula pada 27 Ogos 2018 dengan 2 orang saksi piyah Plaintiff; tanpa sebarang saksi daripada piyah Defendant. Hari ini adalah untuk Keputusan.

Tuntutan Plaintiff

- a) Gantirugi Am;
- b) Gantirugi Khas;
- c) Faedah sebanyak 5% setahun terhadap gantirugi am bermula dari tarikh penyerahan saman sehingga ke tarikh penyelesaian;
- d) Faedah sebanyak 5% setahun terhadap gantirugi khas bermula dari tarikh berlakunya kemalangan sehingga ke tarikh penyelesaian;
- e) Di bawah Aturan 59 Kaedah 24 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 faedah di atas jumlah penghakiman atas kadar 5% setahun daripada tarikh penghakiman hingga ke tarikh penyelesaian
- f) Kos; dan
- g) Lain-lain relif.

Hujahan Plaintiff-Plaintiff

[3] Plaintiff Pertama sendiri telah memberi keterangan bahawa kereta yang dipandu Defendant Pertama telah berhenti di tengah jalan secara mengejut tanpa memberi sebarang isyarat; serta telah menghalang laluan Plaintiff Pertama. Disebabkan jarak yang terlalu dekat dan kejadian berlaku secara tiba-tiba, Plaintiff Pertama tidak sempat mengambil sebarang tindakan lantaran berlakunya kemalangan.



[4] Plaintiff Pertama memandu dalam kelajuan lebih kurang 70 hingga 80 km/j dan menafikan beliau memandu dengan laju.

[5] Pegawai Penyiasat selaku saksi kedua pihak Plaintiff-plaintif telah selesai membuat siasatan dan mendapati kemalangan berpunca daripada kecuaian Defendan Pertama yang secara tiba-tiba berhenti di tengah jalan berhampiran garisan berkembar pembahagi jalan untuk membekok ke kanan dan telah menghalang laluan Plaintiff Pertama yang datang dari arah yang sama.

[6] Kesan pelanggaran adalah konsisten dengan siasatan

[7] Pengguna jalan raya dilarang untuk membuat pusingan atau berhenti di tempat garisan berkembar.

[8] Tindakan Defendan Pertama berhenti dan membekok tersebut adalah sangat mustahil bagi Plaintiff Pertama untuk mengagak 'foresee' kerana tempat kemalangan adalah tempat yang dilarang sama sekali untuk berhenti atau membekok.

[9] Pihak Defendan-defendan telah dengan jelas gagal menjawab kes Plaintiff-plaintif. Defendan-defendan juga gagal membuktikan terdapat sumbang cuai oleh Plaintiff Pertama.

[10] Kecuaian yang ditanggung Defendan-defendan adalah 100%

[11] Untuk gantirugi kecederaan Plaintiff Pertama:

- a. Cerebral concussion sebanyak RM 6,000.00 sahaja
- b. Multiple abrasion wounds sebanyak RM 5,000.00 sahaja
- c. Liver injury grade 1 sebanyak RM 18,000.00 sahaja
- d. Compression fracture T11 dn T12 vertebra bodies sebanyak RM 40,000. 00 sahaja

[12] Gantirugi khas Plaintiff Pertama; Misc - Laporan JPJ RM 10.00, Misc - Laporan polis, keputusan kes, rajah kasar dan kunci RM 20.00, Misc - Laporan perubatan Hospital Besut RM 40.00, Misc - Laporan perubatan HUSM RM 50.00, Misc - kos perjalanan rumah ke hospital Rm 100.00, Misc - kos makan minum di hospital RM 150.00 dan Misc - kerosakan pakaian RM 200.00

[13] Kecederaan Plaintiff Kedua:

- a. Multiple abrasion wounds over upper chest and right leg RM 5,000.00 sahaja

[14] Gantirugi khas Plaintiff kedua: Misc - Laporan perubatan Hospital Besut



RM 40.00 dan Misc - kerosakan pakaian RM 100.00

[15] Kecederaan Plaintiff Ketiga:

- a. Abrasion wound over left forehead RM 4,000.00 sahaja

[16] Gantirugi khas Plaintiff Ketiga: Misc - Laporan perubatan Hospital Besut RM 40.00 dan Misc - kerosakan pakaian RM 100.00

Hujahan Defendan-Defendan

[17] Beban pembuktian adalah di bahu Plaintiff-plaintif. Plaintiff-plaintif yang sepatutnya membuktikan kesnya terhadap Defendan-defendan sebelum Defendan-defendan menjawab kesnya.

[18] Plaintiff-plaintif telah gagal mengambil langkah sewajarnya untuk mengelak kemalangan. Berdasarkan rajah kasar, Plaintiff Pertama yang telah melanggar belakang motokar Defendan Pertama.

[19] Ini turut disokong dengan kerosakan yang dialami kedua-dua kenderaan.

4) Plaintiff Pertama tidak fokus di dalam pemanduan motokarnya sehingga telah melanggar bahagian belakang motokar Defendan Pertama. Plaintiff Pertama memandu sangat laju dan gagal mengambil tindakan untuk elak ketika menghampiri motokar Defendan Pertama.

[20] Plaintiff Pertama gagal ambil tindakan membrek kerana tiada kesan brek.

[21] Plaintiff Pertama juga gagal mengamalkan jarak yang selamat ketika mengekori Defendan Pertama.

[22] Oleh itu Plaintiff Pertama gagal untuk bertindak sebagai seorang "reasonable man" untuk mengelak kemalangan. Oleh itu Plaintiff Pertama menyumbang cuai di dalam kemalangan.

[23] Berdasarkan keterangan Pegawai Penyiasat, pihak Plaintiff Pertama telah gagal untuk menunjukkan bahawa kemalangan ini adalah akibat kecuaian pihak Defendan-defendan semata-mata. Sikap Plaintiff Pertama yang tidak mengambil apa-apa tindakan apabila menyedari yang kononnya Defendan Pertama membuat pusingan, menunjukkan beliau tidak mmpunyai kemahiran yang cukup.

[24] Berdasarkan prinsip undang-undang yang diperaktikan di negara ini, jika kemalangan berlaku mengakibatkan pelanggaran dari arah belakang, tanggungjawab untuk mengelak kemalangan adalah berada di pihak yang berada di belakang berbanding pihak yang berada di hadapan.

[25] Dihujahkan bahawa liabiliti sewajarnya dibahagikan 50%-50%

[26] Untuk gantirugi kecederaan Plaintiff Pertama:



- a) Cerebral concussion sebanyak RM 5,000.00 sahaja
- b) Other - Liver injury grade 1 sebanyak RM 15,000.00 sahaja
- c) Compression fracture T11 dn T12 vertebra bodies sebanyak RM 25,000. 00 sahaja
- d) Multiple abrasion wounds sebanyak RM 3,000.00 sahaja

[27] Kecederaan Plaintiff Kedua:

- a) Multile abrasion wounds over upper chst and right leg RM 3,000.00 sahaja

[28] Kecederaan Plaintiff Ketiga:

- a) Abrasion wound over left forehead RM 3,000.00 sahaja

[29] Manakala untuk gantirugi khas pula tidak wajar dibenarkan Mahkamah kerana tiada bukti dikemukakan ke Mahkamah.

Keputusan Mahkamah

[30] Setelah mendengar keterangan dua orang saksi pihak Plaintiff, tanpa sebarang saksi dikemukakan oleh pihak Defendan-defendant, setelah meneliti ekhibit-ekhibit yang telah dikemukakan dan setelah meneliti hujahan bertulis daripada pihak Defendan-defendant dan hujahan bertulis daripada pihak Plaintiff-plaintiff, dan setelah menimbang dan meniliti fakta kes dan isu-isu yang dikemukakan maka, di atas IMBANGAN KEBARANGKALIAN Mahkamah dengan ini memutuskan bahawa pihak Plaintiff-plaintiff telah berjaya membuktikan kes terhadap Defendan-defendant dengan liabiliti yang ditanggung oleh pihak Defendan-defendant adalah 100%.

[31] Berdasarkan kepada , maka kuantum yang akan dibenarkan oleh Mahkamah ialah seperti berikut:

- 1) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Pertama cerebral concussion sebanyak RM 6,000.00 sahaja;
- 2) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Pertama multiple abrasion wounds sebanyak RM 5,000.00 sahaja;
- 3) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Pertama liver injury grade I sebanyak RM 13,000.00 sahaja;
- 4) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Pertama compression fracture T11 dn T12 vertebra bodies sebanyak RM 23,000.00 sahaja;



- 5) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Kedua multiple abrasion wounds over upper chest and right leg sebanyak RM 5,000.00 sahaja.
- 6) Gantirugi am untuk kecederaan Plaintiff Ketiga abrasion wound over left forehead sebanyak RM 3,000.00 sahaja;
- 7) Gantirugi khas sebanyak RM 200.00 sahaja merangkumi RM 10.00 sahaja untuk Misc - pembelian carian JPJ, RM 20.00 untuk Misc - dokumen - dokumen polis, RM 50.00 sahaja untuk Misc - laporan perubatan HUSM Plaintiff Pertama, dan RM 120.00 sahaja untuk Misc - Laporan Perubatan dari hospital Besut untuk ketiga-tiga Plaintiff; dan
- 8) Faedah dan kos seperti Penyata Tuntutan.

Alasan-Alasan

[32] Berikut adalah alasan Mahkamah ini dalam membenarkan sejumlah tuntutan keseluruhan RM55,200.00 tidak termasuk faedah dan kos:

1. Beban Pembuktian Plaintiff-Plaintif Dan Duty Of Care

Di dalam mana-mana kes tuntutan sivil berkenaan kecelakaan jalan raya, liabiliti pihak-pihak bertelagah adalah salah satu daripada ketentuan yang perlu dibuktikan sepanjang perbicaraan berlangsung. Dalam menentukan takat liabiliti tersebut seperti dalam kes pada hari ini, penilitian khusus perlu diambil dalam pelaksanaan tanggungjawab/ duty of care pihak berkaitan kes sebelum berlakunya kecelakaan berkaitan. Dalam *KR Taxi Service Ltd v. Zaharah* [1968] 1 MLRA 804; [1969] 1 MLJ 49 Ong Hock Thye FJ telah menyatakan bahawa a driver's duty of care like that of any other road user is to exercise reasonable care and skill, and seperti di dalam kes Mahkamah Persekutuan *Wong Thin Yin v. Mohamed Ali* [1971] 1 MLRA 483; [1971] 2 MLJ 175 yang mana Ong CJ telah menegaskan bahawa "In a negligence action the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant gives evidence. The plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence." Atas dasar itu pihak Plaintiff-plaintif perlulah membuktikan kecuaian daripada pihak Defendan-defendan yang dikatakan menjadi punca kecelakaan. Persoalan yang perlu dilunaskan pada takat beban Plaintiff-plaintif ini adalah 'Adakah Defendan-defendan telah melunaskan tanggungjawab di bawah reasonable care and skill' terutamanya semasa pemanduan sejurus sebelum kecelakaan berlaku?

Pihak Plaintiff-plaintif pada hari ini telah cuba untuk melunaskan tanggungjawab beban pembuktian tersebut dengan memanggil 2 orang saksi untuk memberi keterangan iaitu Plaintiff Pertama sendiri disusuli Pegawai Penyiasat Sarjan Mohd Jailani bin Mohd Kudus @ Mokhtar selaku SP2. Pihak Plaintiff-plaintif telah berujah bahawa Defendan-



defendant adalah pihak yang menjadi punca kemalangan di dalam kes ini. SP1 iaitu Plaintiff Pertama sendiri semasa pemeriksaan utama (Penyata Saksi WS1) telah menerangkan berkenaan bagaimana kemalangan berlaku akibat kecuaian Defendant Pertama; -

S: Ceritakan bagaimana kemalangan tersebut berlaku?

J: Pada 28 Julai 2017 jam lebih kurang 03.30 petang, saya memandu motokar no pendaftaran WMP2617 dari arah Machang menghala ke Jerteh bersama anak saya yang ke 5 iaitu Nur Ainu Batrisyia binti Amran no IC 090903-03-0756 dan anak yang ke 6 iaitu Muhammad Amir Azim bin AMran no IC 120105-030609. Apabila saya sampai di KM 50 Jalan Kota Bharu ke Kuala Terengganu, tiba-tiba sebuah motokar no JHB9439 telah berhenti di tengah jalan secara mengejut tanpa memberi sebarang isyarat, telah menghalang laluan saya, disebabkan jarak terlalu dekat saya tidak dapat membrek lalu melanggar motokar tersebut.

S: Adakah Encik Amran sempat mengelak?

J: Tidak sempat mengelak kerana jarak yang terlalu dekat dan secara tiba-tiba

S: Adakah motokar tersebut memberi sebarang isyarat?

J: Tidak

Seterusnya Plaintiff Pertama semasa disoal balas telah menyatakan seperti berikut:

S: Kamu memandu laju?

J: Tidak setuju

S: Sebelum kemalangan, ada nampak motokar Defendant?

J: Ya

S: Berapa meter anggaran?

J: Sini ke dinding belakang (Kandang saksi ke dinding belakang dewan bicara). Masa itu masih berjalan.


S: Kamu tidak ambil tindakan untuk brek.

J: Cuba brek dan mengelak. Tidak sempat. Dia brek mengejut dan tidak beri apa-apa isyarat.

Selain daripada itu, Pegawai Penyiasat iaitu SP2, telah memutuskan



daripada hasil siasatan, laporan-laporan polis dan pihak-pihak terlibat bawah kemalangan berpunca akibat kecuaian pemandu motokar JHB 9439 iaitu Defendan Pertama yang berhenti di tengah jalan berhampiran garisan berkembar pembahagi jalan untuk memblok ke kanan, telah menghalang perjalanan motokar WMP 2617 yang datang dari arah yang sama. Walau bagaimana pun, tindakan ke atas Defendan Pertama masih belum diambil kerana menunggu arahan Timbalan Pendakwa Raya.



Berdasarkan rajah di atas, daripada ekshibit P2/P2K, dapat difahami bawah kereta yang dipandu Defendan Pertama (bertanda F) telah berhenti di laluan sah Plaintiff-plaintif yang mana di laluan tersebut pada kebiasaan digunakan oleh kenderaan yang bergerak lebih laju daripada laluan lajuran sebelah kiri. Terdapat juga garisan pembahagian jalan yang nyata dan bukan sekadar dua garisan berkembar sahaja yang membahagikan jalan dan juga sebagai petunjuk bahawa kenderaan tidak dibenarkan sama sekali untuk memotong atau membuat pusingan ke laluan bertentangan.

Setelah meneliti keterangan-keterangan Plaintiff Pertama dan Pegawai Penyiasat tersebut sepanjang bicara berlangsung, disokong dengan dokumen-dokumen berkaitan, Mahkamah dapat bawah Plaintiff-plaintif telah berjaya membuktikan bawah Defendan Pertama telah gagal untuk melunaskan tanggungjawab di bawah



reasonable care and skill kerana berhenti secara tiba-tiba tanpa sebarang isyarat dengan tujuan membobelok secara tiba-tiba dan menghalang laluan sah Plaintiff-plaintif sehingga menyebabkan kemalangan. Oleh itu pihak Plaintiff-plaintif telah berjaya membuktikan kes dengan melunaskan beban pembuktian di bawah imbangan kebarangkalian terhadap Defendan-defendant.

2. Kegagalan Defendan-Defendant Untuk Memberi Keterangan

Pihak Plaintiff-plaintif telah berhujah bahawa Defendan-defendant dengan jelas gagal menjawab kes Plaintiff-plaintif. Selain itu, Defendan juga gagal untuk membuktikan terdapat sumbang cuai oleh Plaintiff Pertama. Pihak Plaintiff-plaintif telah merujuk kes *Rubiah Anuar v. Sang* [1996] 2 MLRH 166 yang mana telah diputuskan bahawa:

"The onus would be on the driver of the car to show that he was not negligent. However, the defendant took a perilous course by not attending the trial and, consequently, the defendant did not give evidence at the trial. That being the case the particular of the negligence of the defendant as itemized in the plaintiff's statement of claim stood unrebuted."

Berkenaan ketidakhadiran Defendan-defendant untuk memberi keterangan, Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan dan rujukan kes yang digunakan oleh Plaintiff-plaintif di atas, Dalam masa yang sama, Mahkamah ini ingin menerangkan berkenaan keperluan untuk Defendan-defendant hadir memberi kereterangan. Secara asasnya, tiada apa-apa undang-undang di Malaysia yang menetapkan bahawa pihak Defendan-defendant wajib memberi keterangan di dalam perbicaraan. Walau bagaimana pun, jika pihak Plaintiff telah berjaya membuktikan kes terhadap Defendan-defendant, kegagalan Defendan-defendant untuk memberi keterangan adalah fatal. Ini telah dinyatakan di dalam kes Mahkamah Rayuan *Thong Foo Ching & lain-lain v. Shigenori Uno* [1998] 2 MLRA 121; [1998] 4 MLJ 585; [1998] 4 CLJ 674; [1998] 4 AMR 4079:

[5] The learned judge was in error when she invoked s 114(g). Whilst it is true that the appellants had to prove the allegation of illegality, that became unnecessary when PW2 testified that by splitting the sale and purchase of the properties into two agreements, the Government had been unjustly deprived of large sums of money by way of real property gains tax and stamp duty payable and this makes the agreement void. Section 114(g) is irrelevant and the appellants' election not to lead any evidence cannot be held against them.

Berbalik kepada kes pada hari ini, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pihak Plaintiff-plaintif telah berjaya membuktikan kesnya terhadap Defendan-defendant di bawah imbangan kebarangkalian,



maka beban pembuktian telah pun berpindah ke bahu Defendan-defendant. Malangnya Defendan-defendant telah gagal untuk hadir dan memberi keterangan, lebih parah lagi apabila tiada seorang saksi pun daripada pihak Defendan-defendant dikemukakan untuk memberi keterangan. Mahkamah ini memetik Pesuruhjaya Kehakiman Dato Zakiah Kassim di dalam kes terkini *Mastaja Sdn Bhd v. Tan Song Ping & Satu Lagi* [2015] MLRHU 199 yang menyatakan bahawa:

Mahkamah juga mendapati bahawa bagi membuktikan kesnya bahawa air basuhan ayam yang disalurkan melalui paip bawah tanah kedua buah kolam yang dikatakan dibina atas tanah Plaintiff, Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah (MPSPK) patut dipanggil sebagai saksi untuk memberi keterangan mengenai struktur bangunan tersebut bagi menunjukkan bahawa ada saluran yang dibuat dan air dapat mengalir ke kolam itu. Tanpa keterangan saksi tersebut, tidak ada bukti bahawa premis tempat Defendan-defendant bermula adalah bersambung dengan paip bawah tanah itu. Seksyen 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai yang mana Mahkamah boleh membuat anggapan bahawa sekiranya Plaintiff memanggil saksi tersebut, keterangan saksi itu tidak akan memihak kepada Plaintiff.

Berdasarkan kes tersebut dan keadaan kegagalan Defendan-defendant untuk hadir memberi keterangan, Mahkamah berpendapat bahawa Defendan-defendant telah gagal untuk memasakkan dasar kes atau versi sendiri di dalam kes ini, natijahnya keputusan Mahkamah pada hari ini.

3. Penerimaan Dokumen Berkaitan Untuk Tujuan Penghakiman

Seperti yang semua pihak sedia makum, sepanjang perbicaraan ke ini pada hari ini, terdapatnya beberapa dokumen atau eksibit yang telah difailkan di dalam ikatan namun tidak dapat dikemukakan sebagai eksibit kerana ketidakhadiran saksi terutamanya pihak Defendan-defendant. Atas dasar itu, untuk tujuan finality kes ini dan bagi mengelak segala jenis kepincangan yang mungkin timbul di hari muka, Mahkamah ini ingin menerangkan berkenaan penerimaan Mahkamah terhadap dokumen-dokumen berkaitan di dalam kes ini.

Mahkamah ini telah memutuskan untuk menerima pakai dokumen-dokumen yang telah difailkan untuk kes ini berdasarkan peruntukan s 73A Akta Keterangan seperti berikut:

73A Admissibility of documentary evidence in civil cases, et.

(2) In any civil proceedings, the court may at any stage of the proceedings, if having regard to all the circumstances of the case it is satisfied that undue delay or expense would



otherwise be caused, order that such a statement as is mentioned in subsection (1) shall be admissible as evidence or may, without any such order having been made, admit such a statement in evidence-

(a) notwithstanding that the maker of the statement is available but is not called as a witness; and

(b) notwithstanding that the original document is not produced, if, *in lieu* thereof, there is produced a copy of the original document or of the material part thereof certified to be a true copy in such manner as may be specified in the order or as the court may approve, as the case may be.

Ini bermakna, Mahkamah, dengan mengambilkira keadaan sesebuah kes boleh menerima keterangan tanpa ianya dikemukakan oleh individu yang menghasilkan keterangan tersebut melalui perbicaraan demi untuk kepentingan utama untuk menegakkan keadilan. Berkaitan dengan ini juga, Mahkamah merujuk kepada peruntukan di dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 seperti berikut:

Perhatian hendaklah terhadap keadilan (A 1A)

[Nota bahu A 1A Dipinda. PU(A) 226/2012:/al/viil -
Dahulunya dibaca - "1A.

Perhatian hendaklah terhadap keadilan (A. IA)"]

Dalam mentadbir Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah atau seorang Hakim hendaklah memberi perhatian pada kepentingan utama keadilan dan tidak hanya kepada ketidakpatuhan teknikal dengan Kaedah-Kaedah ini.

Atas dasar itu, Mahkamah pada hari ini ingin memperjelas sekali lagi pendirian Mahkamah untuk menerima pakai dokumen-dokumen yang difailkan pihak-pihak di dalam ikatan berikut sebagai keterangan yang dijadikan Mahkamah sebagai paksi keputusan pada hari ini:

- a) Carian JPJ untuk JHB 9439;
- b) Laporan Perubatan Plaintiff Pertama bertarikh 7 November 2017 berserta resit no 25108817006693;
- c) Laporan Perubatan Plaintiff Pertama (HUSM) bertarikh 8 November 2017 berserta resit no 342604;
- d) Laporan Perubatan Plaintiff Kedua bertarikh 20 November 2017 berserta resit no 25108817006695; and



e) Laporan Perubatan Plaintiff Ketiga bertarikh 20 November 2017 berserta resit no 25108817006694

4. Gantirugi Am

Pihak Plaintiff-plaintif pada hari ini telah menuntut gantirugi am yang mana sebahagian besar daripada tuntutan gantirugi tersebut adalah terhadap kecederaan yang dialami Plaintiff Pertama.

Gantirugi Plaintiff Pertama

Pertama sekali adalah gantirugi am untuk kecederaan cerebral concussion yang dialami Plaintiff Pertama, yang mana jumlah yang dituntut adalah sebanyak RM 6,000.00 sahaja. Pihak Plaintiff-plaintif berhujah bahawa nilai RM 6,000.00 untuk kecederaan cerebral concussion tersebut adalah satu awad yang berpatutan berdasarkan compendium terkini. Walau bagaimana pun, kes-kes yang dirujuk pihak Plaintiff-plaintif hanya membenarkan RM 5,500.00 sahaja untuk kecederaan yang sama berdasarkan pengawadian pada tahun 2017. Pihak Defendant-defendant pula berhujah bahawa nilai awad munasabah adalah RM 5,000.00 sahaja namun kes yang dirujuk masih lagi mengawadkan nilai yang sama seperti yang dirujuk Plaintiff-plaintif iaitu RM 5,000.00.

Berdasarkan rujukan Mahkamah ini terhadap kes-kes terkini termasuklah kes *Aw Ley Teng & 1 lagi v. Ashok Kumar Vijayan [2018] 1 LNS 1354*, trend pengawadian Mahkamah beberapa tahun kebelakangan ini untuk kecederaan cerebral concussion persis yang dialami Plaintiff Pertama, setakat sebelum Oktober 2018 adalah sebanyak RM 5,000.00 sahaja. **Walau bagaimana pun, mengambil kira kadar inflasi terkini dan juga cadangan daripada Revised Compendium of Personal Award Injury seperti pada 16 Oktober 2018, nilai paling bersesuaian untuk awad kecederaan cerebral concussion seperti yang dialami Plaintiff Pertama adalah RM6,000.00 sahaja, dan Mahkamah pada hari ini bersetuju dengan hujahan Plaintiff-plaintif dan cadangan compendium terkini tersebut.**

Seterusnya adalah kecederaan multiple abrasion wounds yang dialami Plaintiff Pertama. Pihak Plaintiff-plaintif berhujah bahawa nilai awad paling bersesuaian untuk kecederaan ini adalah sebanyak RM 5,000.00 sahaja berdasarkan beberapa kes yang dirujuk di dalam penghujahan. Nilai ini tidak dipersetuju pihak Defendant-defendant yang mana telah berhujah bahawa nilai awad paling munasabah adalah sebanyak RM 3,000.00. Sama seperti sebelum ini, Mahkamah pada hari ini telah melihat pelbagai aspek dalam menentukan nilai awad yang paling sesuai termasuklah keparahan serta anggota-anggota badan yang mengalami kecederaan tersebut iaitu bahagian muka dan tangan. Dengan merujuk tren terkini pengawadian Mahkamah dan cadangan compendium terkini, Mahkamah ini berpuas hati bahawa



nilai gantirugi am bersesuaian dengan kecederaan yang dialami Plaintiff Pertama ini adalah sebanyak RM 5,000.00 sahaja.

Seterusnya adalah gantirugi am untuk kecederaan liver injury grade i yang dialami Plaintiff Pertama. Untuk kecederaan ini, pihak Plaintiff-plaintif telah berhujah bahawa nilai berpatutan untuk dibenarkan oleh Mahkamah adalah sebanyak RM 18,000.00 sahaja. Ini adalah berdasarkan kes yang dirujuk serta nilai tertinggi yang dicadangkan oleh compendium terkini. Pihak Defendan-defendant pula telah berhujah bahawa nilai awad bertepatan untuk kecederaan yang dialami Plaintiff Pertama ini adalah RM 15,000.00 sahaja.

Sebelum Mahkamah ini menentukan nilai yang bertepatan untuk kecederaan ini, Mahkamah ini terpanggil untuk menyentuh berkenaan pengkelasan gred kecederaan yang digunakan di dalam aliran perubatan. Pengkelasan gred kecederaan organ atau lebih dikenali sebagai the Organ Injury Scaling telah dibangunkan oleh the Organ Injury Scaling Committee dari American Association for the Surgery of Trauma. Ianya mula diterbitkan pada tahun 1989 dan sentiada dikemaskini apabila diperlukan. Berdasarkan skala tersebut, kecederaan organ digredkan dari 1 hingga 6 yang mana Gred 1 adalah paling kurang parah dan Gred 5 adalah paling parah namun masih boleh diselamatkan. Gred 6 adalah kecederaan organ yang mustahil untuk diselamatkan.

Organ Injury Scaling Liver		
Grade	Injury Description	AIS-90
I	Haematoma Subcapsular, <10% surface area Laceration Capsular tear, <1cm parenchymal depth	2 2
II	Haematoma Subcapsular, 10-50% surface area Intraparenchymal, <10cm diameter Laceration 1-3cm parenchymal depth, <10cm length	2 2 2
III	Haematoma Subcapsular, >50% surface area or expanding. Ruptured subcapsular or parenchymal haematoma Intraparenchymal haematoma >10cm or expanding Laceration >3cm parenchymal depth	3 3 3
IV	Laceration Parenchymal disruption involving 25-75% of hepatic lobe or 1-3 Couinaud's segments in a single lobe	4
V	Laceration Parenchymal disruption involving >75% of hepatic lobe or >3 Couinaud's segments within a single lobe Vascular Juxtahepatic venous injuries ie. retrohepatic vena cava/central major hepatic veins	5 5
VI	Vascular Hepatic Avulsion	6

Advance one grade for multiple injuries to same organ up to Grade III.


Skala kecederaan hati, <http://www.trauma.org/archive/scores/ois-liver.html>

Kembali kepada kecederaan pada organ hati yang dialami Plaintiff Pertama yang mana telah dinyatakan bahawa kecederaan tersebut adalah daripada gred 1 iaitu yang paling kurang parah, Mahkamah berpendapat bahawa nilai paling bersesuaian untuk awad gantirugi am kecederaan tersebut adalah sebanyak RM 13,000.00 sahaja. Jika dirujuk kes persis kecederaan ini iaitu kes *Muhammad Taqiyuddin Omar v. Tan Beng Giap & Anor* [2014] 1 PIR 8 sekali pun, Mahkamah hanya membenarkanejumlah RM15,000 sahaja untuk kecederaan



organ hati gred 3 dan bukan gred 1 seperti hari ini.

Untuk tuntutan gantirugi am compression fracture T11 dan T12 vertebra bodies yang dialami Plaintiff Pertama pula, pihak Plaintiff-plaintiff telah berhujah bahawa awad sesuai adalah sebanyak RM 40,000.00 sahaja berdasarkan rujukan kes yang mana Mahkamah telah membenarkan nilai RM 20,000.00 untuk 1 compression tulang vertebra sahaja. Dihujahkan juga bahawa compendium terkini yang mencadangkan nilai awad RM14,500.00 hingga RM 18,000.00 adalah untuk satu tulang vertebra sahaja. Pihak Defendan-defendant pula berhujah bahawa awad berseusaian adalah RM 25,000.00 sahaja secara global.



Setelah meneliti hujahan kedua-dua pihak untuk kecederaan ini, dengan rujukan terhadap anatomi tulang belakang seperti di atas, dan kes Subramaniam *K Muthiah v. Lee Foo Chee* [2016] 5 LNS 41 yang mana Hakim Mahkamah Sesyen telah membenarkan nilai awad RM20,000.00 untuk kecederaan compression fracture tulang belakang T12 dan L1 yang mana persis kecederaan yang dialami Plaintiff Pertama kerana berdasarkan susun atur tulang belakang, L1 dan T11 yang sebenarnya adalah tulang belakang paling hampir dengan T12, maka Mahkamah ini berpendapat bahawa nilai awad paling sesuai untuk Plaintiff Pertama bagi kecederaan ini adalah sebanyak RM 23,000.00 sahaja, mengambil kira juga sifat kecederaan yang tiada permanent disabilities.

Gantirugi Plaintiff Kedua

Pihak Plaintiff-plaintif juga telah menuntut gantirugi kecederaan bagi Plaintiff Kedua iaitu multiple abrasion wounds over upper chest and right leg yang mana telah dihujahkan nilai berpatutan adalah RM 5,000.00 sahaja. Pihak Defendan-defendan pula berhujah bahawa nilai award berpatutan untuk kecederaan yang dialami Plaintiff Kedua ini adalah pada takat RM 3,000.00 sahaja. Dalam pada Mahkamah ini menentukan nilai berpatutan untuk diawadkan untuk gantirugi ini, Mahkamah turut mengambil kira faktor umur, jantina dan bahagian-bahagian kecederaan yang terlibat. Berdasarkan kes trand Mahkamah dan Revised Compendium of Personal Injury Awards bertarikh 6 Julai 2018 yang meletakkan awad untuk abrasion wounds antara RM1,300 hingga RM 5,000.00, Mahkamah ini berpendapat bahawa nilai bersesuaian untuk diawadkan bagi kecederaan terhadap Plaintiff Kedua ini adalah RM 5,000.00 sahaja.

Gantirugi Plaintiff Ketiga

Sama seperti Plaintiff Kedua, di dalam kemalangan ini, Plaintiff Ketiga juga adalah penumpang kepada motorkar WMP 2617 yang dipandu Plaintiff Pertama yang mana telah mengalami kecelakaan berpunca daripada Defendan Pertama. Di dalam kemalangan tersebut, Plaintiff Ketiga telah mengalami abrasion wound over left forehead yang mana pihak Plaintiff-palintif telah menuntut jumlah gantrugi am kecederaan tersebut pada takat RM 4,000.00 sahaja. Pihak Defendan-defendan pula telah berhujah bahawa nilai paling sesuai adalah sebanyak RM3,000.00 sahaja. Setelah meneliti hujahan kedua- dua pihak, dan merujuk kes-kes terkini berkaitan dengan kecederaan tersebut, keparahan kecederaan serta usia muda Plaintiff Ketiga iaitu baru berumur 5 tahun lebih, Mahkamah berpendapat bahawa nilai awad paling bersesuaian adalah sebanyak RM 2,000.00 sahaja.

5. Gantirugi Khas

Untuk tuntutan gantirugi khas pula, nilai yang dibenarkan Mahkamah ini adalah sebanyak RM 200.00 sahaja secara kolektif untuk Plaintiff-plaintif seperti yang telah dibuktikan melalui eksibit-eksibit yang dikemukakan sepanjang perbicaraan kes ini atau pun pembuktian pengwujudan dokumen melalui pemfailan ikatan; yang merangkumi RM 10.00 sahaja untuk pembelian carian JPJ, RM 20.00 untuk dokumen-dokumen polis, RM 50.00 sahaja untuk laporan perubatan HUSM Plaintiff Pertama, dan RM 120.00 sahaja untuk Laporan Perubatan dari hospital Besut untuk ketiga-tiga Plaintiff. Lain-lain tuntutan gantirugi khas tidak dibenarkan Mahkamah kerana ketiadakan bukti dan keterangan spesifik.

Berdasarkan alasan-alasan berikut, Mahkamah berpendapat bahawa keputusan Mahkamah pada hari ini adalah munasabah berlandaskan



budi bicara Mahkamah dan sewajibnya berdasarkan peruntukan undang- undang.

